

PM-BANK

(1)

1983

KUALA LUMPUR, 14 OKT (BERNAMA)--PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI TERSERAHLAH KEPADA ORANG RAMAI UNTUK MEMBUAT KESIMPULAN MENGENAI APA YANG TELAH DIPERKATAKAN SETAKAT INI MENGENAI ISU PINJAMAN BUMIPUTRA MALAYSIA FINANCE (BMF).

BELIAU BERKATA +SAYA TELAH MENDIAMKAN DIRI SELAMA SETAHUN LALU DAN ITU SUDAH CUKUP MEMBEBAHKAN SAYA.+

BELIAU BERKATA DEMIKIAN SEBAGAI MENJAWAB SOALAN-SOALAN YANG DIAJUKAN OLEH PARA PEMBERITA SEBAIK SAHAJA BELIAU TIBA DI PANGKALAN TUDM SETELAH MENGHADIRI PERSIDANGAN MAJLIS RAJA-RAJA DI KOTA KINABALU.

PARA PEMBERITA TELAH MEMINTA BELIAU MENGULAS KENYATAAN BEKAS PENERUSI EKSEKUTIF BANK BUMIPUTRA, TAN SRI KAMARUL ARIFFIN, YANG MENDAKWA BELIAU TIDAK MENERIMA YURAN PERUNDINGAN DAN TIDAK PERNAH MELIHAT LAPORAN JURUAUDIT LUAR MENGENAI PINJAMAN TERSEBUT. --LAGI

1538/MD

ZCZC 8557

PM - BANK 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KEPADA PARA PEMBERITA SEBELUM MENAIKI KERETANYA +SAYA SERAHKAN KEPADA ANDA UNTUK MENYIASAT+.

KETIKA DITANYA ASAMA ADA BELIAU AKAN MEMPERTAHANKAN APA YANG TELAH DIKATAKANNYA, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA,+ SAYA TELAH MENDIAMKAN DIRI SETAHUN LAMANYA DAN INI SUDAH CUKUP UNTUK MEMBEBAHKAN SAYA.+

BARU-BARU INI PERDANA MENTERI TELAH MENGUMUMKAN BAHAWA SEJUMLAH BESAR WANG TELAH DIPINJAMKAN DENGAN SEWENANG-WENANGNYA KEPADA KUMPULAN CARRIAN DI HONG KONG OLEH BMF - ANAK SYARIKAT BANK BUMIPUTRA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA TELAH BERKATA BAHAWA MEREKA YANG TERLIBAT TELAH MENERIMA YURAN PERUNDINGAN TETAPI TIDAK PULA MENYEBUT NAMA-NAMA MEREKA.

TAN SRI KAMARUL ARIFFIN MEMBERITAHU SIDANG AKHBAR BAHAWA BELIAU TIDAK MENERIMA YURAN PERUNDINGAN DARI BMF. APA YANG TERIMANYA HANYALAH EMOLUMEN TENGAHAN DARI BMF.

TAN SRI KAMARUL JUGA BERKATA BAHAWA PINJAMAN TERSEBUT TIDAK DIBERITAHU KEPADANYA KETIKA BELIAU BERKHIDMAT DENGAN BANK TERSEBUT. --BERNAMA 1546/MD